

# Peniaga terpaksa jual 'ikan kotak'

BH 12/05/23 11/ 18

## Cuaca panas, angin kencang jadi punca kekurangan bekalan

Oleh Ali Iqbal  
bhnews@bh.com.my

**Batu Pahat:** "Harga (ikan) yang datang sudah mencecah RM18 sekilogram. Kalau jual RM20, nanti kami kena saman," kata Taufik Omar, peniaga ikan di Pasar Awam Batu Pahat berikutan kekurangan bekalan bahan mentah itu disebabkan keadaan cuaca panas dan angin kencang

sejak beberapa hari lalu.

Kebanyakan mereka yang ditemui mengakui terpaksa membeli 'ikan kotak' (ikan sejuk beku) bagi menampung keperluan dan bekalan untuk pengguna di sekitar daerah ini.

Katanya, harga ikan kembung antara yang dikawal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) tidak boleh dijual melebihi RM17 sekilogram.

"Sejak beberapa hari lalu, kami ada menjual ikan kotak dari Thailand dan Indonesia. Sebelum ini, bekalan ikan mudah diperolehi dari Mersing, Johor, Pulau Pangkor, Perak dan Kemaman, Terengganu," katanya ketika ditemui.

Taufik berkata, ketika ini, harga ikan lolong bersaiz besar (lima hingga enam ekor sekilo-



Peniaga ikan di Pasar Awam Batu Pahat berdepan kekurangan bekalan bagi menampung keperluan pengguna.

(Foto Ali Iqbal/BH)

gram) sudah mencecah RM14 hingga RM15 sekilogram.

"Ikan merah pula kalau sebelum ini saya jual RM40, tetapi sekarang sudah mencecah RM45 sekilogram. Sebab itulah peniaga di sini pening dan terpaksa menjual harga lebih tinggi," katanya.

### Bekalan terlalu sedikit

Seorang lagi peniaga dikenali sebagai James berkata, beberapa hari kebelakangan ini, dia pulang awal berbanding hari

biasa kerana bekalan ikan yang diperolehi terlalu sedikit.

"Saya tiada pilihan, terpaksa jual ikan kotak. Sepanjang minggu ini harga borong ikan pelaling ialah RM17 berbanding harga ikan kotak hanya RM12 sekilogram.

"Sudah empat hari saya mengambil ikan kotak, itupun tidak banyak seperti kebiasaan. Kalau ambil ikan tempatan, susah untuk dijual kerana harganya jauh lebih tinggi," katanya yang mendapatkan bekalan ikan

dari pasar borong dekat sini.

Antara ikan kotak biasa diambil peniaga ialah tongkol, cencaru, selayang, pelaling dan lolong.

Sementara itu, tinjauan di Pasar Awam Batu Pahat kira-kira jam 10 pagi mendapati kebanyakan peniaga pulang awal berbanding hari biasa, 12 tengah hari.

Malah, hasil tinjauan juga mendapati kebanyakan ikan dijual lebih kepada ikan bersaiz besar seperti merah, pari dan siakap.